

Headline	MISI LINDUNGI ALAM SEKITAR		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	412 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 16,168
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,504



MISI LINDUNGI ALAM SEKITAR

Kongres di PWTC bentang 134 kertas kerja turut bincang penemuan terbaru penyelidikan

Oleh Mohamad Hussin

mohamad_hussin@hmetro.com.my

Kongres Sains dan Alam Semula Jadi Antarabangsa (ISNaC) 2015 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, baru-baru ini merangkumi usaha melindungi dan menyelamatkan alam sekitar yang semakin terancam.

Kongres anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Persatuan Ahli-Ahli Sains Malaysia (MSA), Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Persatuan Pencipta Alam Malaysia (MNS) membentangkan 134 kertas kerja.

Ia merangkumi empat simposium iaitu 'Conference of Forestry and Forest Products Research (CFFPR) 2015' anjuran FRIM; Simposium Alam dan Biodiversiti (SNB) anjuran MNS.

Simposium Antarabangsa Sains Gunaan dan Nanoteknologi (ISMSN) serta Simposium Anta-

rabangsa Kimia Organik: Sintesis, Kereaktifan & Mekanisma (ISOC) anjuran MSA.

Majlis perasmian disempurnakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Madius Tanga.

Hadir sama, Presiden MSA Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor, Pengerusi ISNaC 2015 Datuk Dr Soon Ting Kueh, Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod dan Presiden MNS, Henry Goh.

ISNaC 2015 adalah hasil persetujuan yang dibuat antara FRIM, MSA, ASM dan MNS untuk bersama-sama menegakkan konsep 'sains yang berjiwa' dalam usaha melindungi dan menyelamatkan alam sekitar yang semakin terancam.

Ia juga dianjurkan sempena sambutan ulang tahun masing-masing yang ke-30 bagi FRIM, ke-60 (MSA), ke-20 (ASM) dan

ke-75 MNS.

Madius dalam ucapannya berkata, kongres berkenaan diadakan untuk membincangkan penemuan terbaru dalam penyelidikan saintifik, teknologi pembangunan dan usaha pemuliharaan.

Beliau berharap kongres ini bakal membawa kepada kemajuan dalam penyelidikan kimia organik dan pembangunan di universiti di negara ini.

"Dalam aspek ini, saya berharap ahli kimia organik di negara ini mengambil kesempatan daripada ISOC untuk bekerja dengan rakan dari luar negara dan seterusnya membangunkan keupayaan kimia organik.

"Kementerian selalu memberi perhatian khusus kepada bahan sains dan teknologi nano. Kemajuan terkini memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial global.

"Kita bakal mengikuti perbincangan di ISMSN bertujuan mengukuhkan lagi penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi bahan," katanya.

Sementara itu, Ahli Lembaga MSA merangkap Pengarah Bahagian Biodiversiti FRIM, Dr Saw Leng Guan pula membentangkan topik berkenaan masa hadapan kepelbagaian biologi Malaysia yang membimbangkan.

Beliau berkongsi maklumat dan fakta berkenaan kekayaan serta keunikan biodiversiti yang terdapat di negara ini termasuk penyusutan kawasan hutan selaras dengan pembangunan negara:

Ia termasuk keperluan untuk memulihara flora, fauna dan habitat unik seperti bukit batu kapur yang hanya meliputi kurang satu peratus daripada keluasan negara tetapi kaya dengan spesies endemik.

Headline	MISI LINDUNGI ALAM SEKITAR		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	412 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 16,168
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,504

